

Headline	Johan dilantik Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	29 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	2	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	153 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,713



## Johan dilantik Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji

**SHAHALAM**- Lembaga Tabung Haji (TH) semalam mengumumkan bekas Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), BIMB Holdings Berhad, Datuk Johan Abdullah sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO TH yang baharu berkuat kuasa 1 Julai 2016.

Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeed Abdul Rahim berkata, penyandang jawatan itu, Tan Sri Ismee Ismail menyerahkan tugasnya selaras dengan Pelan Penggantian TH yang telah dirancang sejak Januari tahun lalu.

"Kepimpinan dan visi Tan Sri Ismee telah banyak menyumbang

kepada kejayaan TH sehingga memperoleh pengiktirafan dan penghormatan di peringkat antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut kenyataan itu lagi, sepanjang Ismee menerajui TH, institusi itu berjaya mempelbagaikan portfolio pelaburan serta aliran pendapatannya.

"Buat kali pertama, pendapatan TH mencecah lebih RM4 bilion manakala keuntungan se-



**JOHAN**

lepas zakat dan cukai melebihi RM3 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

"Dalam tempoh sepuluh tahun, sejak awal 2006 sehingga 2015, TH mencatatkan keuntungan terkumpul melebihi RM18 bilion.

"Dalam tempoh sama, TH berjaya menanggung subsidi operasi haji berjumlah RM815 juta dan mengekalkan bayaran haji muassasah sebanyak RM9,980 sejak 2009," katanya.

Selain itu, TH juga telah mencatatkan kejayaan dalam memelopori pelaburan hartanah ke luar negara termasuk di Tanah Suci, United Kingdom dan Australia.

Dalam pada itu, Johan yang menyertai TH pada 15 Januari 2015 sebelum ini dilantik sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan.

Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Morehead State, Amerika Syarikat (AS) selain memegang Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Eastern Michigan, AS.